

SOALAN NO: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SU KEONG SIONG

TARIKH: 26 MAC 2015

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah wang caruman terkumpul dalam PERKESO setakat Disember 2014. Adakah Kerajaan berhasrat untuk membawa pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

PR-1331-L66274

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, mulai Januari sehingga Disember 2014, wang caruman terkumpul dalam PERKESO adalah berjumlah **RM2,687,353,350** (belum diaudit).

2. Selari dengan penambahbaikan perlindungan keselamatan sosial, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah beberapa kali dipinda sejak tahun 1979 bagi disesuaikan dengan keadaan semasa. Sehingga tahun 2014, sebanyak sepuluh (10) kali pindaan telah dibuat.
3. Di samping itu, PERKESO sedang meneliti dan mengkaji untuk melaksanakan pindaan ke atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) untuk menambahbaik perlindungan sedia ada atau meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggannya.

SOALAN (41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 MAC 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil Kementerian bagi menangani isu kebanjiran rakyat asing yang kini menjadi "taukeh" menguasai perniagaan pelbagai bidang dan perkhidmatan domestik di bandar-bandar besar di negeri ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang berat isu warga asing bermiaga di Malaysia, khususnya yang melibatkan penjaja dan peniaga kecil. Dalam soal ini, Pekeliling KSU-KPKT Bil.3/2008 pada 30 Jun 2008 mengenai Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyatakan bahawa permit perniagaan kecil hendaklah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat bermiaga sepanjang masa. Tindakan membatalkan permit tersebut wajar diambil ke atas warganegara Malaysia yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing atau tidak menjalankan sendiri perniagaan tersebut.

KPKT juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 11 Februari 2014 agar tapak penjaja tidak disewa/dijual kepada warga negara asing.